

SOSIOLOGI PENDIDIKAN

Pengenalan

Sosiologi mengkaji manusia dalam situasi kumpulan. Dalam kerangka yang luas ini terdapat kajian-kajian yang khusus misalnya kajian mengenai institusi, proses dan kajian lain mengenai situasi yang berkaitan dengan kumpulan manusia. Kajian mengenai struktur masyarakat melibatkan lima institusi utama yang diklasifikasikan sebagai bidang pengajian sosiologi iaitu keluarga, agama, pendidikan, politik dan ekonomi. Organisasi-organisasi formal dan kompleks seperti sekolah adalah sebahagian daripada struktur keinstitutional masyarakat. Proses yang dimaksudkan merupakan bahagian masyarakat bertindak dan menghidupkan struktur yang dikaji.

Melalui proses sosialisasi, manusia mempelajari peranan yang diharapkan akan dimainkan oleh mereka; proses susun lapis masyarakat menentukan kedudukan seseorang itu dalam struktur sosial dan corak hidupnya. Perubahan merupakan satu proses yang berterusan yang sentiasa mempengaruhi kehidupan kita. Salah satu faktor yang membawa perubahan melalui sosialisasi adalah pendidikan. Semua manusia mendapat didikan secara formal di sekolah atau secara tidak formal daripada keluarga, rakan sebaya, media massa, sumber-sumber dan saluran lain yang mempunyai pengaruh terhadap dirinya.

Pendidikan, sebagai institusi, berinteraksi dan saling bergabung kepada institusi yang disenaraikan di atas. Pendidikan merupakan sesuatu yang penting bagi masyarakat kerana dianggap dapat memenuhi segala permintaannya, khususnya dari aspek memperbaiki kedudukan seseorang dalam masyarakat.

Melalui pendidikan, seseorang individu daripada golongan bawahan berupaya mempertingkatkan kualiti hidupnya. Perubahan status seseorang boleh ditentukan oleh pencapaian pendidikan yang baik. Pencapaian pula dipercayai bergantung kepada kualiti pembelajaran.

Sosiologi pendidikan adalah mengenai sosiologi pembelajaran. Pembelajaran mengandungi tiga komponen utama: perubahan, bahan yang dipelajari dan interaksi murid dengan persekitaran di sekolah.

Pembelajaran melibatkan perubahan kognitif yang membawa kepada peningkatan pengetahuan atau kemahiran yang boleh diukur. Individu bukan sahaja belajar tetapi mempelajari atau gagal mempelajari sesuatu. Bahan yang dipelajari merupakan pengetahuan (sejarah, matematik dan sebagainya), dan kemahiran (membaca, menulis dan mengira). Pembelajaran berlangsung dalam persekitaran sosial dan melibatkan interaksi antara murid dan pengajar, sama ada pengajar itu guru, murid lain atau alatan teknikal.

Sebelum bertindak merancang dan melaksanakan program bagi mempertingkatkan pencapaian murid di sekolah, konsep pendidikan, persekolahan dan sosialisasi perlu diberi definisi yang jelas. Pendefinisian konsep berkenaan akan banyak membantu pendidikan mengkonseptualisasikan program yang relevan dan memanfaatkan bagi semua pihak yang terlibat di sekolah.

Pendidikan boleh dilakukan secara formal atau tidak formal. Pendidikan tidak formal bermakna corak pendidikan yang berlangsung di sisi keluarga atau di persekitaran luaran atau pun di sekolah dalam keadaan yang khusus seperti membuat

lawatan atau menjalankan projek kokurikulum. Pengalaman pembelajaran berlaku tanpa beroperasinya bentuk pengajaran berstruktur seperti terdapat di bilik darjah. Manakala, pendidikan formal melibatkan aktiviti-aktiviti yang berlangsung di sebuah institusi (misalnya sekolah) yang ditetapkan objektifnya, iaitu penyempurnaan tugas-tugas spesifik berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.

Sekolah merupakan organisasi yang tetap dan mengandungi bangunan, guru, pentadbir, murid dan kemudahan-kemudahan lain. Mengajar dan belajar adalah aktiviti utama di sekolah. Oleh itu, persekolahan boleh ditafsirkan sebagai pengalaman yang diperolehi murid melalui kehadirannya di sekolah.

Sosialisasi bermakna proses memperolehi corak sosial kumpulan yang dianggotai seseorang dan kandungan sebenar corak tersebut. Sekolah dan keluarga bersama-sama mensosialisasi kanak-kanak supaya dapat memainkan peranan sebagai anggota masyarakat dewasa. Keluarga terlibat dengan peranan kekeluargaan dan persahabatan manakala sekolah menumpukan perhatian kepada peranan yang berkaitan dengan pekerjaan dan kehidupan awam.

Oleh kerana masyarakat menumpukan perhatian kepada pencapaian murid di sekolah, pemimpin pendidikan di pelbagai peringkat sistem dan organisasi, lebih-lebih lagi mereka di sekolah, merupakan *catalyst* yang mampu membawa perubahan di sesebuah organisasi tersebut. Justeru itu, mereka sentiasa dituntut berusaha secara bersungguh-sungguh memberi didikan yang diperlukan. Ini bermakna perhatian dan usaha yang lebih hendaklah diberi agar tercapainya perubahan yang berkesan menerusi penyediaan dan penyusunan bahan yang dituntut di samping mempertingkatkan kualiti

serta mempelbagaikan interaksi murid dengan persekitaran sosialnya di sekolah.

Pemimpin pendidikan hendaklah memberi perhatian dan usaha yang dituntut oleh masyarakat dan murid kepada perkara-perkara berikut, antara lain termasuklah:

- Bagaimana bentuk dan program sesebuah organisasi pendidikan mempengaruhi pembelajaran, hubungan antara guru dan murid dan subjek-subjek yang diajar di sekolah;
- Keberkesanan teknik-teknik pengajaran, stail pembelajaran dan pengelolaan bilik darjah dalam usaha mengajar murid pelbagai tahap kebolehan;
- Pengaruh komuniti terhadap sekolah dan bagaimana pengaruh tersebut membawa kesan kepada proses membuat keputusan di sekolah khususnya keputusan yang berkaitan dengan sosialisasi kanak-kanak;
- Profesionalisme dan status guru; dan
- Bagaimana pendidikan boleh mempengaruhi peluang pekerjaan dan potensi pendapatan.

Taksiran Sekolah dan Persekolahan

Ramai di antara kita beranggapan bahawa sekolah itu merupakan sekumpulan bangunan yang menyediakan pelbagai kemudahan untuk kanak-kanak bersekolah. Persekolahan, secara mudah, dilihat sebagai proses anak-anak kita mempelajari ilmu atau mata pelajaran tertentu, menduduki peperiksaan yang ditetapkan, dan memperolehi kelayakan yang diperakui untuk membolehkan mereka mendapat pekerjaan demi meneruskan hidup mereka sebagai anggota masyarakat dewasa. Para sosiologis, penyelidik dan juga anggota profesion pendidikan

pula melihat sekolah dan persekolahan dari pelbagai perspektif dan definisi yang lebih mendalam.

Ada orang berpendapat bahawa pendidikan adalah suatu proses sosial, dan sekolah merupakan satu corak atau aspek hidup sesebuah komuniti. Di sekolahlah tertumpunya segala usaha dan kemudahan yang dianggap paling berkesan untuk membolehkan kanak-kanak berkongsi pengalaman dan seterusnya mewarisi segala sumber warisan bangsa dan negara dengan tujuan membenarkan kanak-kanak tersebut menggunakan kekuatan dirinya sendiri bagi mencapai matlamat masyarakat.

Sekolah juga boleh dilihat sebagai satu rangkaian pelbagai kedudukan dan status yang diagih-agihkan kepada staf dan murid. Murid-murid menghayati norma-norma dari kedudukan dan status masing-masing dan seterusnya mentafsirkan atau mendefinisikan peranannya. Proses pentafsiran ini berpunca daripada struktur formal sekolah atau daripada sub budaya yang wujud dalam struktur tersebut.

Ada pendapat lain pula mengatakan bahawa sekolah adalah sebuah sistem yang kompleks. Komponen sistem adalah berupa perlakuan manusia yang dikelola dan disusun untuk melaksanakan tugas-tugas atau peranan-peranan tertentu di dalam masyarakat. Ringkasnya, pendapat ini tidak hanya melihat sekolah sebagai sebuah kawasan dan bangunan atau komponen yang terdiri daripada sekelompok manusia sahaja tetapi sekolah mengandungi perlakuan atau tindakan yang dilakukan oleh "para pelakon" secara tersusun bagi tujuan menghasilkan output-output yang khusus bagi masyarakat dan anggota-anggotanya.

Terdapat banyak lagi definisi yang dikemukakan oleh pelbagai pihak. Namun bagi tujuan yang khusus ini, supaya pendidikan ditafsirkan dengan lebih mudah lagi, ia boleh dikatakan sebagai sistem yang ditubuhkan untuk menjalankan atau melaksanakan peranan-peranan yang tertentu bagi kepentingan masyarakat tempat kewujudannya. Tegasnya, sistem pendidikan di Malaysia yang wujud kini ditubuhkan dengan tujuan memenuhi matlamat dan objektif masyarakat dan negara Malaysia. Oleh kerana pendidikan merupakan proses penurunan warisan nilai, harapan dan impian serta aspirasi masyarakat dan negara (proses sosialisasi), adalah sukar bagi kita untuk memahami sepenuhnya cara-cara sekolah dan komponen lain berfungsi dalam sistem pendidikan tanpa terlebih dahulu mengetahui serta memahami masyarakat dalam konteks yang lebih besar ("the larger society") dan bagaimana masyarakat mempengaruhi sistem pendidikan.

Pemboleh ubah Yang Mempengaruhi Pencapaian Pendidikan

Sosiologi pendidikan adalah bidang pengkajian yang luas. Banyak persoalan sentiasa ditimbulkan mengenai setiap aspek bidang ini, khususnya mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pendidikan. Masa dan ruang tidak membenarkan kita meneliti setiap persoalan yang dikemukakan. Kita hanya memberi tumpuan kepada konsep-konsep yang selalu menjadi topik perbincangan hangat di kalangan pendidik dan didapati lebih dekat dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh penggubal dasar dan juga pendidik bagi mempertingkatkan mutu pendidikan di negara ini.

Sekolah Sebagai Sistem Sosial

Sekolah merupakan organisasi formal dan sistem perlakuan yang kompleks. Seperti struktur birokrasi lain, sekolah mempunyai struktur peranan yang berhierarki. Sekolah juga menghadapi masalah berterusan memikat dan mengekalkan penglibatan klien-kliennya (murid-murid) dan juga mengekalkan disiplin.

Pengetua/guru besar berada di bahagian teratas dalam hierarki sekolah. Mereka berjaya memegang jawatan tersebut setelah melalui kenaikan pangkat, pengalaman bilik darjah dan latihan perguruan. Kedudukannya berbeza dengan guru-guru penolongnya kerana ia bukan sahaja mengetuai sekolah tetapi juga bergantung kepada guru-gurunya. Impaknya terhadap murid dirasai secara tidak langsung pada kebiasaannya melalui personaliti dan perlakuannya terhadap semangat dan kecekapan guru-guru di bawah tangannya.

Kedudukan guru di sekolah pula tidak konsisten: ia dilihat sebagai menguasai bilik darjah tetapi di sebaliknya tidak diberi ganjaran seperti harus diberi kepada orang yang "berkuasa" dari aspek gaji, prestij dan kuasa membuat keputusan sebagaimana yang diberi kepada profesional-profesional lain. Ketiadaan autonomi dan ketidakpuasan dengan kedudukannya mungkin menyebabkan guru lebih mengutamakan pengaruh dan kuasanya di bilik darjah. Ada juga guru yang enggan menerima idea-idea tentang metodologi baru kerana menganggap ini akan mengancam pengaruh dan kuasanya di bilik darjah. Terdapat juga kedudukan kelayakan yang berbeza-beza di kalangan guru yang boleh menimbulkan pelbagai konflik.

Murid-murid pula, walaupun merupakan kumpulan yang terbesar, terletak di tahap terendah dalam hierarki sekolah. Berbanding dengan pengetua /guru besar dan guru, mereka sebenarnya tidak berkuasa dan tiada pilihan dalam menentukan kedudukan mereka di sekolah, kecuali jika mereka gagal peperiksaan atau tamat persekolahan. Walaupun murid-murid adalah “klien-klien” sekolah dan kebanyakan keputusan dibuat demi kebajikan dan kebaikan mereka. Murid sebenarnya tidak ada hak untuk mempengaruhi keputusan-keputusan berkenaan.

Mereka juga semakin terpisah daripada guru dengan bertambahnya pengkhususan peranan di kalangan guru. Ini mungkin menyebabkan tertubuhnya kumpulan-kumpulan sebaya dalam kalangan murid yang mempunyai norma-norma dan aktiviti-aktiviti tersendiri. Norma-norma dan aktiviti-aktiviti ini tidak selalunya selari dengan tujuan dan permintaan sistem pembelajaran yang sedia ada.

Murid-murid sering dianggap sebagai kumpulan kanak-kanak yang seragam *homogeneous*; hakikatnya terdapat pelbagai perbezaan dalam kalangan anggota kumpulan ini, sama ada dari segi menegak atau mendatar; menegak secara kumpulan umur, dan mendatar mengikut kebolehan masing-masing. Fenomena ini menggalakkan pengasingan mengikut umur dan memaksa kanak-kanak yang berbeza kebolehan dan minat melibatkan diri dalam aktiviti yang sama pada tahap serta kelajuan yang sama.

Bilik Darjah Sebagai Sistem Sosial

Bilik darjah merupakan satu sistem di mana murid-murid terpaksa berinteraksi secara berdekatan antara satu sama lain selama beberapa jam setiap hari. Waktu interaksi ini dikawal dengan corak "kuasa" yang tegar dan mempunyai jadual pelbagai aktiviti. Setiap aktiviti dijalankan mengikut peraturan-peraturan tersendiri dan tertentu. Dalam keadaan ini, terdapat juga perbezaan-perbezaan antara murid. Dengan adanya pengaruh guru, seseorang murid tentunya akan melalui pengalaman pembelajaran yang berbeza daripada murid lain. Oleh kerana pengalaman pembelajaran yang berbeza-beza, persepsi murid terhadap persekitaran pembelajaran turut berbeza; seterusnya akan menghasilkan keputusan yang berbeza-beza pula bagi setiap murid.

Saiz kelas adalah satu lagi faktor yang harus diambil kira dalam perbincangan mengenai proses dan kesan sosialisasi dalam bilik darjah dan pengaruhnya terhadap pengajaran dan pembelajaran. Walaupun sering diperkatakan bahawa tidak ada hubungan antara saiz kelas dan pencapaian murid, namun ia menjadi topik hangat yang selalu diketengahkan oleh guru. Kawalan, pemantauan dan disiplin murid dalam bilik darjah adalah antara masalah yang dikaitkan dengan saiz kelas dan ini dikatakan berpengaruh besar ke atas prestasi guru. Cara kelas/bilik darjah dikelolakan juga berperanan besar dalam menentukan keberkesanan bilik darjah sebagai sistem sosial.

Keberkesanan Sekolah

Banyak pertanyaan telah dikemukakan mengenai peranan sekolah menentukan pencapaian murid; atau, adakah prestasi

murid atau sekumpulan murid akan berbeza jika mereka ke sekolah A dan bukan ke sekolah B?

Beberapa penyelidikan telah dijalankan di negara-negara barat bagi menentukan faktor atau pemboleh ubah yang membezakan prestasi di antara sekolah-sekolah. Dua pemboleh ubah utama dikenal pasti mempengaruhi prestasi sekolah: ciri pelajar dan kualiti guru.

Sekolah yang mempunyai banyak pelajar yang berminat untuk belajar dan guru-guru yang sentiasa menggalakkan pelajar-pelajar berkenaan mempertingkatkan prestasi masing-masing akan mewujudkan suasana bagi peratusan pencapaian sebenar pelajar bertambah. Walaupun alat pengukur bagi menentukan kualiti guru masih belum begitu sempurna, ciri-ciri guru yang lebih dipentingkan telah dikenal pasti, iaitu sikap, perlakuan dan kelayakan akademik guru.

Sumber yang ada pada sesebuah sekolah, termasuk sumber kewangan, juga memainkan peranan penting bagi mempengaruhi pencapaian pelajar.

Pengaruh-Pengaruh Dari Persekitaran Luar

Pernah dikatakan bahawa untuk membolehkan kita memahami sistem pendidikan sesebuah masyarakat, kita perlu memahami terlebih dahulu masyarakat itu sendiri. Ini termasuk struktur dan jalinan hubungan antara institusi-institusi terpenting dalam masyarakat tersebut serta nilai-nilai dan teknik/cara kanak-kanak disosialisasikan. Faktor ini banyak mempengaruhi kesan terhadap pencapaian akademik kanak-kanak di sekolah.

Contoh yang boleh digunakan dalam konteks ini di negara kita ialah perbandingan yang boleh kita lakukan antara persekolahan di bandar dan di luar bandar. Di bandar-bandar juga terdapat pelbagai perbezaan bergantung kepada kedudukan sekolah dan latar belakang sosioekonomi murid.

Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa status keluarga murid dan pengalaman yang dilaluinya di rumah mempunyai impak terhadap kejayaannya di sekolah. Di samping itu, sumber yang ada pada sekolah, tenaga manusia, fizikal, kewangan dan sebagainya juga berperanan besar mempengaruhi kejayaan murid di sekolah.

Dalam konteks ini, dasar dan keupayaan kerajaan pusat, kementerian-kementerian yang berkaitan, agensi-agensi yang mempunyai hubungan dengan sistem pendidikan secara langsung atau tidak langsung, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, selain keluarga sendiri, mempunyai pengaruh terhadap kedudukan murid di sekolah.

Walaupun usaha digemblingkan untuk memberi peluang yang saksama kepada semua murid untuk memperolehi pendidikan yang berkualiti, usaha-usaha tersebut tidak dapat menghapuskan kelas sosial, perbezaan etnik dan jantina sebagai halangan terhadap pencapaian dalam pendidikan.

Status Sosioekonomi Keluarga

Dapatan penyelidikan membuktikan bahawa peluang murid memperolehi kejayaan di sekolah banyak bergantung kepada kedudukan sosioekonomi keluarganya. Perbezaan mengapa fenomena ini berlaku telah menimbulkan pelbagai kontroversi.

Antaranya termasuklah perbezaan genetik antara kaum etnik yang mengakibatkan perbezaan kecerdasan; dapatan ini sukar diterima ramai. Keterangan lain, seperti cara asuhan kanak-kanak mengikut kelas-kelas tertentu, diketengahkan supaya tindakan-tindakan yang lebih konkrit diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dapatan-dapatan lain menekankan kualiti sekolah yang terletak di kawasan-kawasan yang kedudukan sosioekonomi masyarakatnya rendah. Selain daripada kualiti guru, hal-hal lain seperti kemudahan fizikal dan kewangan di sesebuah sekolah tersebut juga ditimbulkan. Kualiti guru yang rendah, kekurangan sumber/kemudahan fizikal dan kewangan dipercayai memainkan peranan yang besar mempengaruhi pencapaian murid dalam situasi ini.

“Budaya Kemiskinan” adalah satu teori yang dikemukakan oleh sosiologis bagi menerangkan mengapa kanak-kanak daripada golongan sosioekonomi rendah tidak dapat hasil yang diharapkan dari persekolahan. Ciri-ciri budaya adalah fatalisme, perasaan kecewa dan terasing dari masyarakat, berorientasikan masa kini dan bukan masa depan yang menyebabkan ketidakupayaan merancang untuk masa depan dan lebih memberi keutamaan kepada aktiviti-aktiviti dan pemuasan fizikal, bukan mental. Oleh yang demikian kanak-kanak dari golongan ini memasuki sekolah tanpa persediaan yang mencukupi untuk menangani permintaan-permintaan dari persekolahan.

Isu-Isu Semasa Sosiologi Pendidikan

Pendapat-pendapat yang berbeza tentang arah aliran atau bentuk pendidikan masa akan datang sudah banyak dibincangkan di dalam buku, majalah, jurnal, artikel dan sebagainya mengandungi bahan-bahan yang cuba menghuraikan serta menjangka pelbagai perubahan dalam masyarakat dan pendidikan. Walaupun terdapat percanggahan pendapat, *consensus* tercapai di kalangan para pakar tentang beberapa perkara yang mempunyai impak terhadap pendidikan berlandaskan perkembangan-perkembangan masa kini.

Komunikasi

Kemajuan teknologi yang disaksikan sekarang dan kemajuan-kemajuan masa akan datang membolehkan maklumat dan pengetahuan disebar luas dengan cepat dan akan menghasilkan peralatan komunikasi yang lebih canggih bagi memudahkan penyebaran dan penerimaan maklumat.

Sudah tentu kaedah pengajaran dan pembelajaran akan berubah dan jurang perbezaan antara sekolah dan bilik darjah akan menjadi lebih nyata. Apakah implikasinya bagi sekolah-sekolah di negara kita, bagi sekolah-sekolah di bandar dan luar bandar? Apakah kesannya terhadap pencapaian pelajar dan proses sosialisasi di sekolah? Kemungkinannya konsep sekolah yang kita ketahui kini akan berubah, atau barangkali sekolah-sekolah tidak akan wujud lagi.

Komputer

Dalam era revolusi teknologi dan maklumat, peranan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran sudah pun mulai berubah. Literasi komputer akan menjadi satu tuntutan bagi semua pelajar kerana pasaran pekerjaan memerlukan sumber tenaga pekerja mahir yang boleh mengendalikan komputer. Justeru itu, literasi komputer akan dijadikan pelajaran tambahan utama di sekolah dan bilik darjah selain daripada 3M. Ini bermakna juga, pengajaran dan pembelajaran komputer perlu bermula di sekolah rendah lagi.

Kini, banyak keluarga, khususnya di kawasan bandar, mempunyai komputer dan kanak-kanak daripada keluarga kelas pertengahan mendapat pendedahan kepada komputer lebih awal lagi berbanding dengan kanak-kanak daripada keluarga yang kurang bernasib baik. Oleh yang demikian, peluang pekerjaan bagi mereka daripada golongan pertengahan adalah lebih baik berbanding dengan mereka daripada golongan sosioekonomi rendah.

Sistem pendidikan negara dan sekolah-sekolah harus peka dengan perkembangan ini dan dapat membezakan pengetahuan mengenai komputer kepada peringkat-peringkat yang diperkenalkan di sekolah supaya dapat menyusun rapi rancangan bagi mendedahkan pengetahuan mengenai komputer kepada murid seawal mungkin.

Pembelajaran Seumur Hidup

Akibat ledakan maklumat dan pengetahuan serta perubahan sosial, teknologi dan ekonomi yang begitu pesat, banyak anggota masyarakat mulai sedar tentang kepentingan peluang-peluang pendidikan selepas tamat tempoh persekolahan atau di luar sistem persekolahan tradisional. Malangnya, jumlah yang bertindak untuk memperbaiki kedudukan melalui peluang ini terlalu kecil berbanding dengan mereka yang terus dengan pekerjaan yang tidak akan dapat memperbaiki kedudukan ekonomi diri dan keluarga mereka.

Cabaran bagi sistem pendidikan, sekolah dan guru yang mensosialisasikan murid ialah mencari jalan atau kaedah yang berkesan untuk menyemai kepercayaan atau falsafah pembelajaran seumur hidup di kalangan murid agar mereka terus berusaha memperbaiki hidup masing-masing selepas persekolahan. Masyarakat sendiri harus digalakkan untuk menyediakan peluang-peluang pembelajaran selepas tamat persekolahan bagi mereka yang memerlukannya. Dalam konteks ini, sekolah boleh memainkan peranan utama memajukan idea dan menunjangi prosesnya.

Kerjasama Antarabangsa

Dalam dunia yang kini semakin kecil dan negara-negara saling bergantung antara satu sama lain, khususnya di bidang perdagangan dan pemindahan teknologi, satu cabaran bagi pendidikan harus disedari: bagaimana boleh dieratkan lagi perhubungan antarabangsa demi penerusan wujudnya peradaban, kemajuan warga dunia dan kestabilan ekonomi dan politik. Untuk kemajuan negara kita sendiri, kita harus

memahami negara-negara lain, masalah-masalah yang dihadapinya dan pencapaian yang diperolehinya. Tujuan ini boleh dicapai menerusi usaha memahami budaya masyarakat lain misalnya melalui penguasaan berbahasa asing. Sekolah boleh menggalakkan penguasaan bahasa asing di kalangan muridnya.

Pembelajaran inovatif di sekolah haruslah menekankan komponen antarabangsa ini untuk membolehkan negara memainkan peranan yang berkesan di dunia. Para pendidik hendaklah menimbulkan isu-isu dan persoalan-persoalan yang relevan dan membangun. Sekolah-sekolah hendaklah menghidupkan program pengajaran dan pembelajaran bahasa asing. Program-program pertukaran pelajar haruslah diperluaskan dan penglibatan oleh pelajar daripada pelbagai lapisan masyarakat perlu digalakkan.

Pendidikan Alam Sekitar

Kebimbangan yang semakin mendadak mengenai masalah-masalah seperti pencemaran, keadaan penduduk yang berlebihan dan pengurangan sumber alam dan makanan menyebabkan bertambahnya desakan bagi maklumat yang lebih luas dan mendalam dan program-program baru mengenai ekologi dan pendidikan alam sekitar.

Walaupun sudah terdapat unsur alam sekitar dalam pelbagai mata pelajaran yang diajar di sekolah, masih belum ada usaha yang tersusun dan gigih pada peringkat sekolah bagi menggalakkan pelajar mengambil tahu tentang persekitarannya dan cara-cara murid boleh berperanan secara berkesan dalam usaha perlindungan alam sekitar.

Pendidikan Seks dan Isu-isu *Gender*

Wabak AIDS/HIV sudah menjadi perkara yang dibincang ramai dan masalah ini dijangka akan bertambah. Lebih membimbangkan lagi gejala ini telah menular kepada golongan remaja. Kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan untuk mengatasi masalah ini tetapi masih belum ada tindakan langsung pada peringkat sekolah bagi menyedarkan kanak-kanak kepada gejala tersebut secara terbuka.

Pengetahuan dan tanggapan yang sihat mengenai seks haruslah disampaikan kepada anggota masyarakat dari awal iaitu semasa mereka di bangku sekolah lagi. Pengetahuan dan amalan mengikut agama dan nilai serta norma masyarakat hendaklah dijadikan satu proses sosialisasi yang akan memelihara dan mengekalkan masyarakat, menggalakkan hubungan yang sihat di antara lelaki dan perempuan dan dijadikan asas bagi pengwujudan keluarga yang sihat dan bahagia.

Pendidikan Ketuaan

Murid haruslah diajar mengenai masalah dan juga prospek ketuaan, iaitu bagaimana hendak menanganinya apabila tiba masanya dan bagaimana mereka boleh membantu orang-orang tua kesayangan mereka (ibu bapa dan nenek) dalam mengatasi kedudukan mereka.

Pembangunan ekonomi yang pesat telah pun membawa perubahan kepada bentuk keluarga dan orang-orang tua nampaknya ketinggalan dan tidak dapat memainkan peranan mereka dalam urusan pembentukan dan pemeliharaan nilai-

nilai tradisional. Tenaga dan sumbangan orang-orang tua dalam masyarakat kita semakin diabaikan dan sumber yang penting ini nampaknya diketepikan sahaja dalam kesibukan masyarakat zaman perindustrian mengadu nasibnya.

Setelah mencapai kemerdekaan selama lebih 52 tahun, kita sebenarnya masih perlu melakukan banyak perkara untuk memantapkan struktur masyarakat, terutamanya dalam membentuk masyarakat yang bersatu dan prihatin khususnya terhadap golongan yang lemah seperti orang tua, kanak-kanak dan wanita. Kemajuan yang tidak seimbang antara *material* dengan rohani sebenarnya telah mendorong kepada natijah yang tidak sempurna dan kelihatan mengabaikan banyak perkara utama seperti ketakwaan dan keimanan yang menjadi asas kemajuan itu sendiri. Oleh sebab itulah kita dapati masih ada anggota masyarakat yang cenderung untuk bertindak menyalahi undang-undang serta menindas golongan yang lemah semata-mata kerana mahu memenuhi kehendak mereka. Penekanan mengenai perkara-perkara seperti ini di sekolah boleh membantu proses sosialisasi dan semua tenaga manusia dalam masyarakat dapat digunakan secara optimum.

Pendidikan Kerjaya

Reformasi secara meluas mengenai pendidikan vokasional sedang dirancang dan aspek-aspek baru pendidikan bentuk ini sudah pun mulai diperkenalkan. Usaha-usaha mengenai penyumbangan bantuan dalam panduan kerjaya akan melibatkan pelbagai pihak, antaranya pihak industri dan orang perseorangan yang mempunyai kepakaran khusus.

Diharapkan penekanan yang lebih berat akan diberikan ke arah mewujudkan sistem pendidikan vokasional yang sesuai bagi menghadapi cabaran pasaran kerja masa kini dan masa akan datang. Oleh kerana pemilihan kerjaya sangat penting kepada setiap individu untuk menentukan gaya hidup pada masa depan, peranan semua pihak, termasuklah keluarga, sekolah, di samping pencapaian akademik yang baik, amat berguna dalam memberi bimbingan kerjaya kepada anak-anak. Selain itu, penekanan haruslah diberi kepada usaha-usaha mengajar kemahiran-kemahiran tertentu yang ada kaitan dengan pekerjaan dan juga mendisiplin pelajar mengikut norma-norma yang memandu perlakuan di tempat kerja. Dengan bertambahnya penggunaan komputer serta robot dalam industri, peluang pekerjaan bagi mereka yang meninggalkan bangku sekolah tanpa kemahiran yang khusus akan menjadi semakin tipis.

Apakah peranan yang boleh dimainkan sekolah untuk menghadapi serta menangani masalah ini? Sekolah, dengan kerjasama kerajaan dan industri, boleh mengenal pasti pekerjaan-pekerjaan yang sudah usang, menilai teknologi dan perkhidmatan baru dan terus berusaha menyediakan pelajar untuk kerjaya yang berdaya maju.

Pendidikan Nilai

Bahaya yang kita hadapi dalam era kemajuan dan penemuan teknologi baru ialah mengabaikan penekanan terhadap teknologi dan nilai. Nilai-nilai yang berfaedah tidak seharusnya digantikan dengan teknik-teknik yang berlandaskan komputer atau saluran lain yang moden dan canggih. Umpamanya, apalah gunanya mengajar fakta-fakta mengenai sejarah jika

pelajar tidak dapat menggunakan fakta tersebut untuk lebih memahami orang-orang yang berinteraksi dengan mereka. Sama jugalah pengajaran mengenai dadah: pengajaran yang tidak diselitkan dengan nilai mungkin akan lebih menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah jika tidak ditekankan kepada mereka betapa bahayanya penyalahgunaan dadah terhadap kehidupan seharian mereka.

Dalam konteks ini, pertanyaan-pertanyaan yang harus diketengahkan adalah:

- a) Apakah jenis manusia yang kita ingin hasilkan melalui pendidikan?
- b) Apakah perlakuan manusia yang ingin kita galakkan?

Profesionalisme Guru

Satu ketika dulu guru mendapat penghormatan sebagai pendidik, pemimpin dan pembangun masyarakat. Kini, kedudukan dan status guru sudah berubah. Perubahan yang berlaku menimbulkan pelbagai persoalan tentang peranan guru bukan sahaja sebagai pendidik tetapi juga sebagai sekumpulan yang menyumbang kepada perubahan dan pembangunan.

Perkembangan pengetahuan dan ledakan maklumat menyebabkan keupayaan guru menangani cabaran yang timbul terus dipersoalkan. Ketidakupayaan sebilangan besar murid memperolehi manfaat daripada pendidikan juga mempersoalkan kelayakan, kemahiran dan kemampuan guru memberi khidmat setimpal dengan tuntutan masyarakat. Akibatnya, sesetengah ibu bapa yang berkemampuan menukar selera menghantar anak-anak mereka ke institusi swasta demi memenuhi kehendak semasa.

Kerjaya lain di pasaran pekerjaan yang menawarkan pulangan lebih tinggi daripada ganjaran yang diberi kepada guru juga merendahkan status guru. Tindakan yang boleh diambil bagi mengatasi kedudukan guru ialah meninjau kembali dasar pengambilan calon untuk latihan perguruan, kelayakan asas, bentuk dan kandungan latihan yang dijalankan di maktab dan universiti, penggajian guru dan ganjaran lain, reka bentuk sekolah dan kemudahan yang disediakan di sekolah untuk guru dan sebagainya. Dengan adanya kriteria tertentu yang boleh membantu peningkatan profesionalisme guru, maka tindakan susulan boleh diambil oleh pihak berkuasa untuk membetulkan keadaan yang sedia ada.

Rumusan

Sosiologi pendidikan merupakan bidang pengajian yang luas dan meliputi tajuk-tajuk lain yang tidak dapat dimuatkan dalam kertas ini. Kekangan masa dan ruang menghadkan huraian kepada beberapa tajuk yang didapati paling relevan kepada pemimpin pendidikan di peringkat sekolah. Sumber rujukan lain yang lebih komprehensif dan cekap membincangkan topik-topik dalam sosiologi pendidikan dari pelbagai perspektif dengan berlandaskan pelbagai teori. Walau bagaimanapun, perkara-perkara yang diketengahkan dalam kertas ini, meskipun menyempitkan fokus, dipercayai mencukupi bagi tujuan membentuk asas yang kukuh ke arah menangani masalah dan isu berkaitan dengan pembelajaran di sekolah.

Pendefinisian konsep-konsep seperti pendidikan, sosialisasi dan sebagainya dan pengenalpastian ciri-ciri setiap konsep, tafsiran yang dilakukan ke atas konsep sekolah dan persekolahan, menyenarai pemboleh ubah yang

mempengaruhi pencapaian pendidikan, mencadangkan isu-isu semasa yang mencabar pendidikan masa kini dan masa akan datang kesemuanya diharapkan dapat meluaskan perspektif dan pemahaman pemimpin pendidikan kepada implikasi yang berpuncakan perkembangan semasa.

Pemahaman tentang cabaran-cabaran semasa dan kaedah yang digunakan bagi mengatasinya dapat kita gunakan sebagai pengetahuan dan pengalaman yang boleh dijadikan landasan bagi menangani cabaran masa depan. Senario pendidikan di abad ke-21 akan berubah seperti perubahan yang dapat kita saksikan sekarang. Agar kita lebih bersedia apabila berlaku perubahan dengan pesat, adalah wajar diklasifikasikan perubahan-perubahan yang akan berlaku dan disenaraikan ciri-ciri perubahan tersebut.

Demografi

Perubahan dalam bentuk komposisi kanak-kanak yang akan ke sekolah sudahpun mulai berlaku. Jumlah kanak-kanak daripada kelas atasan dan pertengahan yang dalam lingkungan umur persekolahan semakin berkurangan kerana golongan ini memilih mengurangkan saiz keluarga berbanding dengan kelas bawahan yang memilih menambah lebih anak. Sekolah akan dikehendaki mengajar murid yang peratusan besarnya berasal daripada keluarga kelas bawahan. Akan wujud juga pelbagai kategori murid daripada pelbagai jenis keluarga yang akan menuntut lebih banyak perhatian dan sumber sistem persekolahan. Berikut adalah antara jenis murid di sekolah di abad ke-21:

- lebih banyak kanak-kanak daripada keluarga kelas bawahan akan memasuki sistem persekolahan;
- lebih banyak kanak-kanak daripada keluarga *single parent* akan ke sekolah;
- lebih banyak kanak-kanak yang kurang cerdas akan memasuki sekolah;
- kanak-kanak yang kedua-dua ibu bapanya bekerja dan oleh itu tidak mendapat pengawasan sempurna daripada ibu bapa;
- peratusan kanak-kanak daripada keluarga kelas atasan dan pertengahan akan berkurangan berbanding dengan peratusan kanak-kanak daripada kelas bawahan;
- kemajuan ekonomi negara menarik banyak pendatang dari luar negara, yang kebanyakannya terdiri daripada kelas bawahan. Anak-anak mereka juga akan membuat tuntutan khusus terhadap sekolah di negara ini.

Sekolah dan Persekolahan

Sebagaimana yang telah pun diuraikan, sekolah, persekolahan dan klien-kliennya juga akan berubah berasaskan perkembangan masa kini di bidang sosioekonomi, teknologi dan ramalan-ramalan lain. Jenis klien sekolah di abad ke-21 berupa demikian:

- murid boleh membuat pilihan daripada pelbagai program yang ditawarkan, sama ada yang diwajibkan atau elektif, dan berbentuk akademik, vokasional atau program pengkayaan;
- murid berpeluang belajar menerusi komputer interaktif atau "videodisc" di rumah atau di sekolah;

- faktor dalaman, seperti aspek gaji, keinginan hidup berdikari dalam memenuhi naluri dan keperluan individu, dan faktor luaran, termasuklah pengaruh ibu bapa, rakan sebaya, pengaruh kebudayaan serta faktor akademik, mendorong lebih ramai murid bekerja sambil di bangku persekolahan;
- murid menjalani perantisan dengan guru pakar;
- mempunyai peluang lebih dan masa yang lebih lapang untuk menjalankan tugas/belajar/buat kerja rumah di makmal sains, kelas muzik, kelas seni lukis atau kelas vokasional;
- murid diberi peluang belajar dengan tutor dalam kumpulan kecil atau secara berseorangan.

Ada kemungkinan satu ketika kelak sekolah mempunyai staf yang antaranya bukan guru, tidak mendapat latihan perguruan. Sebilangan staf ini terdiri daripada mereka yang datang daripada bidang-bidang pengkhususan ilmu selain daripada apa yang diajar di sekolah masa kini dan mempunyai kepakaran tertentu, misalnya:

- pakar diagnostik pembelajaran;
- pemungut maklumat mengenai program *software* baru;
- penulis *courseware*;
- pereka bentuk kurikulum;

Perkembangan-perkembangan seperti yang disebutkan di atas akan menambahkan masalah yang dialami oleh para pengetua, guru besar, guru penolong kanan dan pihak lain yang kini menerajui perancangan dan pelaksanaan program pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kesemuanya mempunyai implikasi terhadap proses mensosialisasi pelajar. Usaha untuk melengkapi pelajar dengan pengetahuan,

kemahiran dan sikap yang sekurang-kurangnya mencukupi supaya mereka berkeupayaan menangani cabaran hidup di masyarakat dewasa haruslah bermula sekarang.

Kertas ini membangkitkan isu semasa dan ramalan sahaja. Jawapan bagaimana sekolah sebagai institusi pendidikan yang menjadi harapan masyarakat mensosialisasi kanak-kanak secara formal bagi membolehkan mereka mewarisi nilai dan sumber masyarakat boleh disumbang oleh pemimpin pada peringkat sekolah.

RUJUKAN

- Alsagof, S.A. (1986). *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Ballantine, J. H. (1983). *The Sociology of Education: A Systematic Analysis* 2nd. Ed. New Jersey: Prentice Hall
- Banks, O. (1987). *Sosiologi Pendidikan*. (R. Sidin & Z. Sidin, Trans.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Boocock, S. S. (1980). *Sociology of Education: An Introduction* 2nd. Ed. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Burgess, R. G. (1985). *Issues in Sociology: Education, Schools & Schooling*. In R. Oakley (Ed.). London: Mac Millan
- Durkheim, E. (1983). *The Division of Labour in Society*. London: The Free Press.
- Eldridge, A. (1984). *Image of Conflict*. New York: St. Martin's Press.
- Levine, D.U. & Havighurst, R.J. (1991). *Society and Education* 8th. Ed. Massachusettes: Allyn & Bacon.

- Musgrave, P.W. (1979). *The Sociology of Education* (3rd. Ed.). London: Methuen.
- Ornstein & Levine (1984). *An Introduction to the Foundations of Education*. 3rd. Ed. Boston: Houghton Mifflin
- Parelius, A.P., & Parelius, R.J. (1984). *The Sociology of Education*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Spindler, G.D. (1983). *Education & Cultural Process Toward an Anthropology of Education*. New York: Holt, Rinehart & Winston, Inc.
- Vogel, A. W., Bachelor, D. L., & Zepper, J.T. (1985). *Foundations of Education: A Social View*. Albuquerque: Uni. Of New Mexico Press.
- Wayne, G.C. (1974). *Uses of the Sociology of Education*. Illinois: NSSE (National Society for the Study of Education).
- Weber, M. (1984). *On Charisma and Institution Building: The Heritage of Sociology*. London: The University of Chicago Press.
- Willbert, E.M. (1986). *Siri Bacaan Sosiologi Modern: Perubahan Sosial*. In C.H. Tong (Ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Wilmot, J.H., & Wilmot, W.W. (1984). *Interpersonal Conflict*. Iowa: WCB, Co. Pub.
- Wolford, G. (1989). *Doing Sociology of Education* (Ed.) London: The Palmer Press.